

'Fikirkan semula FTA jika ada tekanan'

KUALA LUMPUR 6 Feb. - Pergerakan Pemuda UMNO mahu kerajaan memikirkan semula sebarang pemeteraian Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat (AS) jika terbukti ia merupakan tekanan politik daripada kuasa besar itu.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, perjanjian tersebut tidak seharusnya mempunyai apa jua syarat yang boleh menyentuh kedaulatan dan hak negara ini.

Justeru katanya, Pemuda UMNO akan mengutuskan surat rasmi kepada Kedutaan AS di sini secepat mungkin bagi mendapatkan penjelasan berhubung perkara tersebut. "Pemuda telah meminta Pengerusi Biro

Ekonomi, Datuk Reeza Merican Naina Merican untuk mengutuskan surat tersebut kepada Kedutaan AS.

"Kita mahu pihak kedutaan menjelaskan sama ada komen yang dibuat oleh anggota Kongres AS, Tom Lantos merupakan pendapat peribadi atau pendirian rasmi daripada kerajaan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Pergerakan Pemuda UMNO di Menara Datuk Onn, di sini, hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menegaskan, sebagai sebuah negara berdaulat, Malaysia mempunyai kebebasan untuk menjalin hubungan dengan mana-mana

UM - 7/2/2007
pihak dan AS tidak mempunyai hak menghalangnya.

Isu itu mula tercetus apabila Lantos mendesak pentadbiran Presiden George W. Bush supaya menggantung rundingan dengan Malaysia, sebagai memprotes tindakan negara ini menandatangani perjanjian projek pembekalan tenaga dengan Iran.

Lantos yang mengetuai Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Dewan Perwakilan Amerika menggambarkan perjanjian RM57.6 bilion (AS\$16 bilion) yang dimeterai bulan lalu antara syarikat milik kerajaan Iran, National Iranian Oil Company dengan Kumpulan SKS dari Malaysia sebagai sesuatu yang 'sangat dibenci'.

Akibatnya Menteri Perdagangan Anta-

rabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz menegaskan yang beliau sedia menasihatkan kerajaan supaya membatalkan perjanjian FTA itu.

Hishammuddin berkata, selepas pihak Kedutaan AS memberi jawapan, satu pendirian rasmi akan dibuat oleh Pemuda berhubung isu tersebut.

"Kita mahu perjanjian ini perlu bebas daripada apa jua syarat yang berbau politik kerana FTA merupakan satu bentuk hubungan perdagangan.

"Apa yang kita lakukan dengan pihak ketiga seperti Iran tidak harus dicampurkan dengan perundingan yang diadakan antara Malaysia dan Amerika Syarikat," tambahnya.